

Australia tidak beradab: Mahathir

Oleh Rosmin Darus dan Faizal Fadzil

R H24 NOV 1993

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata amat sukar bagi Malaysia menjalin hubungan baik dengan Australia, yang mempunyai sikap "tidak beradab" seperti orang Asia.

Ketika ditanya kenyataan Perdana Menteri Australia, Paul Keating, bahawa beliau bosan mengenai keengganan Dr Mahathir menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Seattle, Amerika Syarikat, Dr Mahathir menjawab:

"Saya kurang faham dengan sikap Australia ini. Yang menjemput saya ialah Amerika Syarikat. Tapi nampaknya Australia lebih marah daripada Amerika Syarikat. Kerana saya tak pergi, Australia memaki saya, mencerca saya, panggil saya mamak, macam-macamlah.

"Apa jenis *journalist* (wartawan) ni yang sanggup menggunakan perkataan buruk terhadap saya semata-mata saya tak pergi ke Amerika. Apakah setiap kali saya dijemput, saya mesti berlari-lari untuk pergi?"

"Inilah payah dengan Australia ni... sangat sukar untuk menyayangi mereka (*very difficult to love them*). Kita cuba buat macam mana pun nak baik, nampak payah. Dia tak ada... apa tu... kurang beradab (*manners*) sikit," katanya.

AFP hari ini melaporkan, Keating dalam sidang akhbar persidangan kemuncak Apec di Seattle semalam sebagai berkata, beliau sudah bosan mendengar keengganan Dr Mahathir menghadiri mesyuarat itu.

"Jangan tanya saya lagi mengenai Mahathir. Saya tidak peduli lagi sama ada beliau datang atau tidak.

"Apec adalah lebih besar daripada kesemua kita, Australia, Amerika Syarikat, Malaysia dan Mahathir atau mereka yang keras kepala," katanya.

Bagaimanapun, Menteri Luar Australia, Gareth Evans, hari ini, cuba menjernihkan keadaan selepas Keating meluahkan kemarahan terhadap Dr Mahathir dan melabelnya sebagai keras kepala.

Evans berkata, beliau yakin Dr Mahathir memahami konteks ulasan Keating di Seattle semalam.

Menurutnya, Dr Mahathir sendiri tidak dapat mengelak daripada mengeluarkan kenyataan sedemikian terutamanya apabila didesak oleh media.

Dr Mahathir menegaskan, Australia tidak mempunyai sifat orang Asia yang lebih bersopan.

"Itu sebabnya saya kata dia tidak mempunyai sifat orang Asia dan dengan itu kenyataan bahawa ia (Australia) adalah bangsa Asia tidak bermakna sama sekali.

"Orang tak pergi dia marah. Kalau dia kata kita, kita jawab balik, dia kata kita tak patut berkata demikian. Tapi, yang mula cakap, dialah," katanya.

Ditanya apakah langkah Malaysia untuk memperbaiki hubungan dengan

Usah peduli kerenah negara asing: PM

DARI MUKA 1

Australia, Perdana Menteri menegaskan: "Kita tidak boleh berbuat apa-apa".

"Jika orang yang bersikap kurang ajar, budak-budak misalnya, kita boleh pukul mereka. Tetapi ini, seluruh negara atau wartawan dari satu negara yang kurang ajar dan menyentuh soal peribadi, payah kita nak buat apa-apa," katanya.

Mengenai sesetengah wartawan asing yang menulis bahawa Malaysia tidak mementingkan Apec, Dr Mahathir berkata: "Itu terpulung pada mereka nak buat apa-apa pandangan."

"Sama ada rugi ke, untung ke, kita tidak pedulilah. Pada kita, yang pen-

ting ialah keuntungan yang kita boleh dapat daripada EAEC atau Apec," katanya.

Mengenai rancangan mengadakan sidang pemimpin tertinggi Apec yang kedua di Jakarta, Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu sama ada sesetengah pemimpin dalam Apec akan menghidirinya.

"Kita diberi jaminan bahawa ini sajalah Apec. Tapi kita nampak sekurang ini dah lain.

"Kalau nak diadakan perjumpaan ketua-ketua negara anggota setiap tahun, saya tak tahulah sama ada sesetengah pemimpin dalam Apec akan hadir. Ia nampak bercanggah," katanya.

LIHAT MUKA 2